



PELAPORAN ARANG BATU DAN TENAGA BOLEH BAHARU DI MALAYSIA

Oleh Ili Nadiah Dzulfakar | Felo Climate Tracker

CLIMATETRACKER.ORG

 Stanley Center
FOR PEACE AND SECURITY

Ringkasan Eksekutif

Asia Tenggara ialah sebuah rantau yang pesat membangun, dan keputusan berkaitan tenaganya ialah kritikal terhadap usaha global dalam mengurangkan bahan api fosil yang melepaskan karbon. Namun sedikit sahaja yang diketahui di luar rantau ini mengenai naratif media spesifik yang membentuk perdebatan tentang tenaga nasional di setiap negara. Jurang pengetahuan kritikal inilah yang ingin dipenuhi oleh Climate Tracker dan Stanley Center for Peace and Security, dengan menjalankan analisis liputan media berkaitan tenaga di lima buah negara di seluruh Asia Tenggara.

Laporan mengenai Malaysia ini merupakan yang kelima dalam siri laporan yang meliputi Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand, dan Vietnam. Ia telah disokong oleh Stanley Center di bawah tajuk kolektif *Fueling the Tiger Cubs: How Southeast Asia's Media Is Covering Coal's Last Frontier*, sebuah analisis media pelbagai negara yang diketuai oleh wartawan muda dari Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Vietnam.

Stesen kuasa arang batu beroperasi berdekatan kawasan dermaga di negeri Johor, Malaysia. Gambar oleh Igor Grochev/Shutterstock

Muka Hadapan: Panel solar yang dipasang di kampus Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur, Malaysia. Gambar oleh drshahrinmdayob/Shutterstock

Setiap negara di Asia Tenggara dalam kajian kami mempunyai lanskap media yang unik dengan pelbagai cabaran dan peluang untuk pelaporan tenaga. Dua tahun kebelakangan ini telah menyaksikan perubahan yang luar biasa dalam lanskap kerajaan dan tenaga di Malaysia, yang turut mengakibatkan perubahan dalam pelaporan tenaga. Selepas beberapa dekad lamanya dasar tenaga dibentuk oleh pakatan Barisan Nasional, kerajaan Pakatan Harapan (PH) telah bertindak untuk meliberalisasikan **pihak media serta** lebih lanjut, meluluskan 80 inisiatif tenaga pada tahun 2019 yang secara umumnya dilihat sebagai kondusif terhadap pertumbuhan tenaga boleh baharu. Permulaan tahun 2019 menyaksikan banyak artikel mengenai tenaga boleh baharu dipaparkan di semua saluran media utama di Malaysia. Lebih daripada 87.5 peratus merangka teknologi tenaga boleh baharu ini secara positif, satu trend yang berterusan hingga tahun 2020.

Liberalisasi berita telah **menghasilkan penerbitan pandangan yang lebih berani mengkritik status quo** dan kebergantungan Malaysia kepada bahan bakar fosil oleh saluran berita utama, yang kebanyakannya dimiliki oleh kerajaan sebelum ini. Dari Januari 2019 hingga Ogos 2020, 46 artikel di seluruh enam saluran berita merangka arang batu sebagai “kotor” dan “mundur”. Hanya 18 daripada ini merupakan pandangan daripada kolumnis atau pakar tenaga.

The Star paling menonjol kerana menerbitkan lima pilihan editorial daripada kolumnis **Mangai Balasegaram** yang berulang kali membuat perkaitan antara arang batu dan perubahan iklim. Bagaimanapun, secara keseluruhan, masih terdapat artikel yang merangka arang batu secara positif (52) sebagai bahagian yang sangat diperlukan dalam campuran tenaga Malaysia—tambah pula, **arang batu masih menyumbang 44 peratus daripada kapasiti tenaga Malaysia**. Jelas dilihat, 88 peratus dari 52 artikel ini hanya memetik wakil perniagaan dan industri, yang jelas menunjukkan kekurangan kepelbagaian dari sudut pandangan yang disertakan.

Selepas dua tahun memerintah, kerajaan PH **tidak lagi dapat mengawal parliment pada Februari 2020, dan sejurus selepas itu, perdana menteri meletakkan jawatan**. Ketika negara tersebut perlahan-lahan mengendalikan pergolakan politik dan peningkatan **krisis hutang**, masih belum jelas apakah dasar tenaga dan media selepas tahun 2020 dan bagaimana perkara ini bakal memberi kesan kepada masa hadapan tenaga Malaysia.

Secara keseluruhan, penyelidik Malaysia kita, Ili Nadiah Dzulfakar, memeriksa 344 artikel di seluruh enam cawangan media—**The Star, New Straits Times (NST), The Malaysian Reserve (TMR), The Edge, Free Malaysia Today (FMT),** dan **Malaysia Kini**—dan telah membuat kesimpulan seperti di bawah.

Dapatan Utama

- Peratusan pecahan dalam gambaran saluran media peneraju di Malaysia terhadap arang batu hampir sama, dengan 46 peratus daripada artikel merangka bahan bakar fosil secara positif dan 40.7 peratus merangkanya secara negatif.
 - Artikel yang dirangka secara positif menggambarkan arang batu sebagai bahagian yang sangat diperlukan dalam ekonomi Malaysia dan memetik **teknologi arang batu super kritikal ultra (ultra-supercritical, USC)** sebagai bukti bahawa arang batu boleh dijadikan “bersih”. Semua saluran berita yang dikaji menerbitkan beberapa artikel dengan rangka positif untuk arang batu kecuali **Malaysia Kini**, satu saluran bebas yang dibentuk untuk menentang dominasi perbadanan
- media besar. Tiga suku daripada artikel yang menyokong pembangunan arang batu secara eksklusif memetik daripada wakil perniagaan dan orang dalam industri—jelas memaparkan kekurangan kepelbagaian sudut pandangan.
- Artikel yang kritikal terhadap arang batu memaparkan kesannya terhadap alam sekitar atau menggambarkan projek tertentu, seperti **loji janakuasa 1,000-MW TADMAX di Selangor**. Hampir 40 peratus daripada artikel ini merupakan mengupas pandangan daripada kakitangan editorial akhbar atau kolumnis jemputan.
 - Sejumlah kecil kolumnis yang mengkritik arang batu mempamerkan kesedaran tinggi bagi perubahan iklim. Contohnya, **Mangai Balasegaram**, penulis lima artikel pilihan editorial yang menghubungkan arang batu dan pemanasan global dalam **The Star**, berharap agar sudut perubahan iklim dapat dibincangkan dengan lanjut dalam pelaporan arang batu. **Balasegaram** ialah seorang konsultan untuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization) dan ahli bagi rangkaian Clean Energy Wire.
 - Untuk tenaga yang boleh baharu, rangka positif dengan jelas telah mendominasi, merangkumi 87.5 peratus daripada keseluruhan artikel tenaga boleh baharu. Sekiranya kita mengecualikan hidro besar daripada campuran ini, rangka positif menjadi lebih besar, iaitu pada 99 peratus. Rangka negatif terhad kepada empat artikel yang diterbitkan oleh **The Star** dan **The Edge**.
 - Apabila gabungan PH mengambil alih kuasa pada tahun 2018, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang baharu dibentuk merancang beberapa langkah reformasi tenaga, termasuk dasar tenaga boleh baharu yang lebih menyokong. Perbincangan mengenai dasar ini membentuk teras bagi pelaporan tenaga boleh baharu dalam enam bulan pertama tahun 2019. Sebagai menyahut pendirian kementerian, wartawan merangka pembangunan tenaga boleh baharu sebagai asas kepada **“kepelbagaian sumber tenaga”**. Dua rangka artikel positif yang lain, kebanyakannya membabitkan kuasa solar, meletakkan tenaga boleh baharu sebagai gesaan pembangunan ekonomi tempatan dan pengurangan pelepasan karbon Malaysia.
 - Empat artikel dari **The Edge** dan **The Star** menonjol kerana merangka tenaga boleh baharu sebagai pelaburan berisiko. Tiga daripada artikel ini merupakan pandangan yang mempertikaikan bahawa sasaran tenaga boleh baharu kerajaan ialah terlalu tinggi dan tenaga boleh baharu tidak boleh mengantikan bahan bakar fosil sebagai tenaga beban asas di Malaysia.
 - Seperti solar dan angin, projek tenaga hidro berskala kecil telah dirangka secara positif sebagai teknologi boleh baharu yang dapat menghasilkan pertumbuhan ekonomi di kawasan pedalaman serta mesra alam. Bagaimanapun, empangan tenaga hidro tradisional telah **dikritik sebagai memusnahkan persekitaran tempatan dan budaya orang asli** dalam dua pertiga daripada artikel yang ditulis mengenai topik ini.
 - Kepentingan perniagaan banyak disebut dalam liputan tenaga, iaitu sebanyak 30 peratus artikel yang diterbitkan termasuk konten perhubungan awam (PR). Editor Shannon Teoh dari **The Straits Times** bercakap mengenai hubungan langsung di antara firma PR dan editor. “Firma PR menghubungi editor secara terus...untuk mempengaruhi pandangan editor dan

[membuatkan mereka] melihatnya sebagai kisah yang penting untuk ditugaskan,” ujar beliau.

- Lebih tiga suku daripada 344 buah kisah disiarkan di bahagian perniagaan/kewangan/ekonomi dan mencerminkan rangka perniagaan dengan banyak. Menyedari kelemahan ini, seorang wartawan di Malaysian SME Media Group berkata, “Saya berpendapat bahawa lebih baik sekiranya kisah-kisah berkaitan tenaga dikategorikan sebagai berita umum, tidak semestinya perniagaan, kerana apabila kita melihat berita mengenai perniagaan, tiada kesan terhadap alam sekitar [disebutkan]”. Dalam sampel kami, 67 peratus daripada artikel dalam kategori perniagaan/kewangan tidak menyebut kesan ekonomi bagi isu-isu tenaga.
- Berkenaan halangan umum untuk liputan tenaga yang lebih baik, tiga daripada sebelas wartawan yang ditemu ramah bersetuju bahawa mereka menghadapi masalah untuk mengakses sumber yang boleh dipercayai untuk temu ramah. Semua wartawan yang ditemu ramah, kecuali seorang, mengakui bahawa sumber untuk artikel tenaga mereka adalah terhad dan ini menyebabkan berlaku pengulangan, pandangan berat sebelah, biasanya daripada sektor perniagaan/bank/industri dan kerajaan.

Metodologi

1. Pensampelan

Ili Nadiah Dzulfakar, penyelidik kami di Malaysia, mengambil sampel 344 berita dalam talian selama 18 bulan, dari Januari 2019 hingga Ogos 2020, di enam penerbitan komersial:

- *The Star, versi atas talian* Malaysia yang paling banyak diedarkan.
- *New Straits Times (NST)*, versi atas talian akhbar paling lama di Malaysia yang masih dicetak, dimiliki oleh Media Prima.
- *Malaysia Kini*, portal berita atas talian paling popular di Malaysia.
- *Free Malaysian Today (FMT)*, sebuah portal berita bebas atas talian dan salah satu laman berita paling banyak diakses di Malaysia.
- *The Edge*, versi atas talian paling laris bagi berita mingguan perniagaan dan pelaburan di Malaysia.
- *The Malaysian Reserve (TMR)*, pembekal berita dan maklumat perniagaan dalam cetakan dan di atas talian.

Kesemua enam saluran media berita berada di Kuala Lumpur atau di Selangor. Saluran utama dengan versi cetakan, iaitu *The Star* dan *New Straits Times*, memiliki **sejarah berat sebelah yang mengutamakan** kerajaan. Kedua-duanya dimiliki oleh pihak-pihak dalam pakatan yang memerintah sebelum ini. Sementara *Malaysia Kini*, *FMT*, dan *The Edge* merupakan saluran media digital bebas yang anti kerajaan pada beberapa seketika. Kerana batasan waktu, hanya laman berita bahasa Inggeris utama di Malaysia yang dianalisis, dan sumber bahasa Melayu atau Mandarin tidak disertakan.

Untuk setiap saluran yang dipilih, kata kunci yang digunakan dalam pencarian adalah “arang batu,” “tenaga boleh baharu,”

“solar,” “angin,” “hidroelektrik,” “empangan mega,” “hidro kecil,” dan “hidro mini”. Liputan dari agensi berita asing dan kisah tenaga bukan dari Malaysia dikeluarkan daripada analisis.

2. Analisis Kandungan

Untuk analisis kandungan, penyelidik media Climate Tracker menggunakan **kaedah kod** seragam yang dibangunkan dengan input penyelidik sendiri. Menggunakan kaedah ini, mereka menganalisis artikel mengikut 22 parameter dalam lima kategori: Jenis Artikel, Fokus Tema, Rangka Lebih Luas, Celik Tenaga, dan Sumber Digunakan.

3. Analisis Rangka

54 artikel daripada 344 dipilih untuk mewakili kepelbagaiannya sampel daripada jumlah berita untuk analisis rangka yang lebih mendalam, yang melibatkan persoalan mengenai sumber artikel, penempatan sumber, dan strategi diskursif. Templat analisis rangka mereka boleh ditemui [di sini](#).

4. Temu ramah bersama Wartawan

Di antara 29 Ogos 2020, dan 19 September 2020, 11 wartawan dan empat editor telah ditemu ramah dari lima daripada enam saluran sampel untuk analisis (*The Edge*, *The Star*, *TMR*, *FMT*, dan *Malaysia Kini*) serta saluran berita tambahan baharu (*Mongabay Indonesia*, *Malaysia SME*, versi cetakan *New Straits Times*).



Ili Nadiah Dzulfakar | @NadQuarantasei

Ili Nadiah Dzulfakar kini menjadi penyelaras Klima Action Malaysia, sebuah NGO iklim yang diketuai belia di Malaysia. Beliau telah mewujudkan kandungan iklim tempatan dalam Bahasa Malaysia dan kandungan untuk sokongan yang meluas, serta telah berkolaborasi dengan wartawan alam sekitar dan penerbitan berdasarkan sains. Nadiah dilahirkan di Malaysia dan menetap di Jerman selama 12 tahun sebelum melanjutkan pelajaran dalam ijazah sains alam sekitar. Beliau suka bekerja dengan data (seperti juga suka bekerja dengan manusia).

Pengenalan

Sepanjang tempoh tiga bulan, saya menganalisis bagaimana enam saluran berita utama bahasa Inggeris di Malaysia melaporkan mengenai masa hadapan tenaga Malaysia dari Januari 2019 hingga Ogos 2020, dengan fokus kepada liputan mengenai arang batu dan tenaga boleh baharu. Analisis termasuk 344 sampel artikel dari enam penerbitan. Melalui analisis ini, saya berharap dapat memberikan gambaran bagaimana saluran media terbesar di negara ini merangka masa depan tenaga di Malaysia.

Laporan ini mengambil tempat di negara yang amat bergantung kepada bahan bakar fosil dengan industri media komersial yang berat sebelah terhadap kehendak pelbagai parti politik. Buat masa ini, 44 peratus daripada kapasiti tenaga negara dihasilkan daripada arang batu, sementara 37 peratus daripada minyak dan gas, dan 19 peratus daripada tenaga boleh baharu termasuk kuasa hidro. Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa, sumbangan arang batu beberapa tahun kebelakangan ini telah menggantikan minyak dan gas sebagai sumber tenaga terbesar. Pada tahun 2019, kerajaan telah menetapkan sasaran bercita-cita tinggi iaitu 20 peratus tenaga boleh baharu bukan hidro menjelang 2025, walaupun ianya tidak jelas bagaimana sasaran ini akan dicapai memandangkan kadar pertumbuhan tahunan sederhana dan perubahan kuasa pemerintahan kerajaan baru-baru ini.

Analisis saya menunjukkan bahawa arang batu dirangka secara positif dan negatif, sementara solar dirangka positif di semua penerbitan kecuali FMT. Ini mungkin mengejutkan mereka yang mengetahui saluran berita ini yang dikenali melaporkan berita politik secara progresif.


Lebih daripada separuh artikel tenaga dalam analisis saya (terutamanya artikel berita perniagaan) hanya menggunakan satu jenis sumber. Sumber ini paling kerap merupakan wakil perniagaan. Kekurangan nuansa dalam kebanyakannya kisah tenaga akibat isu kapasiti dalam sektor media Malaysia, menyebabkan tenaga ditakrifkan secara sempit dalam kisah perniagaan. Hasil analisis saya menunjukkan bahawa laporan saintifik dan organisasi bukan kerajaan (NGO) sering diketepikan sebagai sumber untuk kisah tenaga.

Walaupun tenaga solar dirangka secara positif, kapasiti sebenar yang digunakan di Malaysia masih rendah, hanya pada 882MW, atau kira-kira 6 peratus daripada kapasiti keseluruhan. Sementara itu, arang batu masih menjadi sumber tenaga dominan, dengan lebih banyak loji janakuasa dalam perancangan pembangunan. Solar dan arang batu seringkali tidak dibandingkan antara satu sama lain tetapi hanya dibincangkan secara berasingan, menyebabkan kekurangan naratif kritikal mengenai landskap tenaga Malaysia dan prospek masa depan tenaga bersih. Secara ringkasnya, realiti campuran tenaga Malaysia tidak digambarkan atau dikritik dengan tepat dalam liputan media.

Perbincangan

Analisis Kuantitatif: Jenis Kisah dan Kelaziman

Kandungan PR yang biasa berlaku dalam laporan tenaga; kisah-kisah PR merangkumi 30 peratus daripada sampel artikel




Rajah 1. Jenis Kisah

Berita Ringan	1
Berita Siasat	6
Kisah Utama	6
Cebisan Analisis	23
Temu bual	29
Kisah Agensi Berita	34
Pilihan Editorial	38
Kisah PR	103
Berita Sukar	104

Analisis saya dimulakan dengan analisis kuantitatif yang mengkategorikan 344 artikel berdasarkan jenis artikel dan kategori penerbitan. Di dalam enam penerbitan berita, saya mendapat bawaha kisah PR—atau cerita yang kebanyakannya mengandungi kandungan promosi—and kisah berita merangkumi lebih dari 60 peratus daripada semua sampel artikel, dengan 207 cerita diterbitkan dalam tempoh analisis. Sebaliknya, jenis artikel pelbagai telah diedarkan secara rata di seluruh saluran berita, walaupun penerbitan perniagaan TMR menonjol sebagai satu-satunya penerbitan tanpa surat pendapat mengenai tenaga.

Temu bual saya bersama editor dan wartawan memberikan penjelasan mengenai sebilangan besar kisah PR. Shannon Teoh, editor dari The Straits Times, menggambarkan hubungan di antara firma PR dan editor berita di saluran berita utama: "Editor memutuskan [apa yang akan diterbitkan], dan dalam kebanyakan kes, itulah sebabnya kebanyakannya pemberita atau firma PR menghubungi editor secara terus. ...Jadi [firma PR] mahu mempengaruhi minda editor [dan membuatkan] mereka melihatnya sebagai kisah yang penting untuk digunakan". Kolumnis Mangai Balasegaran dari The Star menggambarkan kisah PR sebagai "secara asasnya [ditulis] untuk menyokong perniagaan" kerana bilik berita bergantung kepada pendapatan iklan.


Bahagian Perniagaan/Kewangan mendominasi; tiga perempat daripada artikel mempunyai rangka ekonomi



Rajah 2. Komposisi Bahagian Kisah

Alam Sekitar	45
Perniagaan/Wang	263
Politik	1
Kesihatan	3
Pendidikan	5
Berita Gempar	6
Undang-undang	9
Sains	12


Rajah 3. Rangka dalam Kisah Perniagaan/Kewangan



Kepentingan perniagaan dalam laporan tenaga tidak hanya dicerminkan daripada jumlah kisah PR tetapi juga kategori penerbitan artikel. Kisah tenaga diterbitkan di seluruh lapan kategori: berita gempar, perniagaan/kewangan, pendidikan, alam sekitar, kesihatan, undang-undang, politik, dan sains. Bagaimanapun, lebih daripada tiga perempat daripada sampel kisah (76.5 peratus), atau 263 artikel, telah diterbitkan di bahagian perniagaan/kewangan. Walaupun kategori alam sekitar bukan bahagian utama pada halaman utama untuk mananya saluran berita (kecuali untuk TMR's "Green Growth"), ia merupakan kisah kedua paling popular dalam 45 artikel (13 peratus daripada jumlah sampel).


The Star, yang menerbitkan artikel tenaga paling banyak (152) turut menerbitkan kisah paling banyak berfokuskan kepada alam sekitar (19). Bagaimanapun, FMT merupakan satu-satunya penerbitan yang mempunyai lebih banyak artikel tenaga dengan fokus kepada alam sekitar (15) berbanding fokus kepada perniagaan (10). Malaysia Kini, tidak mempunyai sebarang artikel tenaga dalam kategori alam sekitar. Ini merupakan kontras yang menarik, kerana kedua-dua FMT dan Malaysia Kini adalah saluran berita bebas atas talian.

Rajah 4. Pecahan artikel arang batu dipecahkan melalui sikap liputan



Tiada seorang pun wartawan yang ditemui bual terkejut dengan penemuan saya iaitu kebanyakan laporan tenaga ditempatkan dalam bahagian perniagaan. Bagaimanapun, tidak semua berpuas hati dengan status quo. Seorang wartawan akhbar Malaysian SME berkata bahawa amalan ini perlu diubah pada masa hadapan. "Apabila kita melihat berita perniagaan, tiada impak kepada alam sekitar disebutkan," kata beliau. "Kisah mengenai tenaga harus dianggap sebagai berita biasa supaya ia akan turut membentarkan ruang untuk liputan yang lebih luas". Begitu juga, editor Shannon Teoh, ketua biro untuk The Straits Times, berkata, "Saya fikir patut ada keseimbangan yang lebih baik [apabila] melibatkan laporan isu-isu tenaga, jauh daripada hanya dolar dan sen". Bagaimanapun, Teoh "tidak optimis bahawa ia akan berlaku".

Rajah 5. Artikel tenaga boleh diperbaharui dipecahkan melalui sikap liputan



Walau bagaimanapun, bukan semua jenis tenaga digemari oleh bahagian perniagaan. Untuk menjawab dengan tepat pertanyaan mengenai bagaimana saluran media utama di Malaysia merangka masa depan tenaga, saya selanjutnya menghuraikan artikel dengan sikap dominan yang dipaparkan, sama ada "positif," "negatif," atau "neutral". Walaupun wartawan mungkin menyampaikan dari pelbagai sudut pandang dalam tulisan mereka, sebuah artikel yang saya kategorikan sebagai "positif" berakhir dengan mempromosikan pertumbuhan sumber tenaga tertentu, sementara artikel yang dikategorikan sebagai "negatif" lebih mementingkan risiko yang berkaitan dengan pertumbuhan tersebut. Artikel "neutral" membentangkan fakta tanpa sebarang titik pandangan yang jelas.

Seperti yang ditunjukkan dalam rajah 3, dalam sampel artikel yang diterbitkan sebagai kisah perniagaan, artikel solar mendominasi rangka positif pada 93 artikel, diikuti oleh arang batu pada



30 artikel, atau kurang daripada satu pertiga daripada nombor tersebut. Jumlah artikel perniagaan yang dirangka secara positif mengenai tenaga boleh baharu (128) melebihi artikel arang batu; untuk setiap artikel positif arang batu, terdapat empat artikel positif tenaga boleh baharu. Di bahagian neutral dan negatif, sebaliknya, artikel arang batu masing-masing mendominasi 19 dan 9 artikel; namun, dengan membandingkan artikel perniagaan arang batu, rangka positif sedikit melebihi rangka negatif dan neutral (30 hingga 28). Oleh itu, seseorang dapat menyimpulkan bahawa terdapat lebih banyak artikel mengenai tenaga boleh baharu di bahagian perniagaan dan kebanyakannya merangka secara positif; terdapat lebih sedikit artikel mengenai arang batu, dan ianya dirangka secara bebelah bagi.

Data temu bual saya mungkin membantu menjelaskan trend ini. Semua wartawan dan editor yang ditemu bual bersetuju bahawa solar dilihat sebagai pelaburan yang baik dan selari dengan naratif kerajaan, perniagaan, dan NGO yang menyokong pertumbuhan tenaga bersih. Dua wartawan menyatakan ini mungkin dikaitkan kepada potensi hasil masa sebenar. Pada tahun 2019, Malaysia merupakan [pengeluar sel solar ketiga terbesar di dunia](#), di belakang China dan Taiwan.

Trend yang dilihat dalam artikel perniagaan juga jelas dalam keseluruhan sampel. Untuk arang batu, lebih sedikit artikel menggunakan rangka positif berbanding rangka negatif (46 peratus berbanding 40.7 peratus), dan artikel neutral (13.3 peratus) yang menjelak kenaikan dan kejatuhan harga arang batu global. Untuk tenaga boleh baharu, rangka positif jelas mendominasi, terdiri daripada 87.5 peratus sampel.

Dengan angka ini, saya menjalankan penyelidikan lebih mendalam pada 54 artikel dari semua saluran berita untuk menganalisis rangka spesifik yang digunakan apabila membincangkan mengenai arang batu dan tenaga boleh baharu, sama ada daripada perspektif positif, negatif atau neutral. Hasil daripada analisis rangka ini adalah seperti di bawah.

Analisis Kualitatif:

Rangka Kisah Tenaga Umum

Saluran berita merangka arang batu sebagai bermanfaat untuk ekonomi tempatan, menyokong penggunaan “arang batu mesra alam”

Oleh sebab arang batu umumnya diberi rangka positif pada seluruh sampel artikel, saya mula merangka analisis dengan menyelidik secara mendalam rangka arang batu positif yang digunakan. Lima saluran berita yang diselidik—FMT, The Edge, TMR, The Star dan NST—menyumbang artikel yang menggambarkan arang batu secara positif sebagai “murah,” “stabil,” dan “boleh dipercaya”; Malaysia Kini satu-satunya yang tidak menerbitkan sebarang rangka positif. Seperti yang ditunjukkan dalam analisis kuantitatif (rajah 3), 30 artikel di bahagian perniagaan merangka arang batu secara positif; daripada jumlah tersebut, lapan dipilih untuk analisis rangka yang lebih mendalam.

Analisis rangka saya menunjukkan anggapan bahawa arang batu baik untuk ekonomi telah dianjurkan oleh kumpulan-kumpulan dengan kepentingan dalam industri arang—iaitu bank-bank dan pemain besar tenaga seperti penyedia elektrik TNB dan Malakoff, dua syarikat terbesar di Malaysia. Sebagai contoh, satu artikel dari The Star bertajuk “[Thriving on Power](#),” yang kebanyakannya kandungannya adalah promosi, menyifatkan arang batu sebagai memberi keuntungan kepada ekonomi tempatan, dengan sumber-sumber dari kerajaan tempatan dan

pemimpin-pemimpin masyarakat dari bandar Seri Manjung. Penulis artikel tersebut menyebut, tanpa berselindung bahawa kewujudan kilang-kilang arang batu membawa kepada mobiliti sosial serta pendapatan, infrastruktur dan pelancongan kepada masyarakat.

Artikel yang menyifatkan arang batu sebagai bermanfaat biasanya merujuk kepada teknologi, terutamanya kilang-kilang kuasa super kritikal ultra (ultra-supercritical, USC), yang kononnya boleh menjadikan arang batu “bersih”. Tiga saluran berita diperiksa—FMT, The Star, dan NST—membuat liputan berkenaan kilang-kilang kuasa USC generasi baharu bagi [Jimah East](#), Tanjung Bin Energy, dan [Jana Manjung](#) menggunakan perkataan-perkataan seperti “hijau,” “bersih,” dan “cekap”. Artikel-artikel ini tidak menyatakan fakta bahawa walaupun menghasilkan kurang pencemaran udara, arang batu USC secara asasnya masih melepaskan karbon yang menyumbang kepada perubahan iklim.

Seorang editor daripada saluran berita yang tidak lagi beroperasi di Malaysia menekankan bahawa kebanyakan rangka berita seperti ini ditulis dari sudut pandangan perniagaan, yang menjadi keutamaan bagi kebanyakan media di Malaysia. “Mungkin pelancaran kilang kuasa baharu...mungkin tentang mengapa kita perlu bertukar kepada arang batu memandangkan ia lebih murah dan kilang kuasa yang menggunakan arang batu lebih cekap tenaga. Maksud saya, itulah artikel-artikel yang [saluran media utama] biasanya keluarkan,” kata beliau.

Arang batu dianggap sebagai kotor dan regresif untuk negara membangun.

Namun, analisis rangka saya menunjukkan bukan semua artikel memaparkan manfaat arang batu, tidak kira sama ada USC ataupun bukan. Dari 17 kisah arang batu yang dipilih untuk analisis rangka ini, tujuh menyifatkan arang batu secara negatif dengan menyatakan kesan alam sekitar dan sosial serta fasa henti arang batu yang berlaku di negara-negara membangun. Empat dari tujuh analisis secara paling mendalam telah diterbitkan oleh The Star.

Walaupun Malaysia bergantung kepada arang batu, bahan bakar fosil ini dianggap sebagai kotor dan regresif bagi pembangunan jangka masa panjang negara. Akhbar The Star telah menerbitkan satu artikel oleh seorang kolumnis veteran Mangai Balasegaram bertajuk “[Human Writes: Why Is Malaysia Still Stuck on Coal for Energy?](#),” yang memetik pakar-pakar industri dan NGO dalam menyifatkan arang batu sebagai kotor dan tidak mampu untuk Malaysia sebagai sebuah negara. Artikel tersebut menggunakan rangka alam sekitar dan perubahan iklim untuk menegaskan mengapa Malaysia tidak harus “terjerat” dengan arang batu. Dalam satu temu bual, Balasegaram menyatakan bahawa beliau bersemangat tentang perubahan iklim dan menjadi sebahagian daripada Clean Energy Wire, satu rangkaian wartawan yang membuat liputan mengenai isu-isu iklim dan tenaga bersih, dan berharap sudut pandangan ini dapat dikupas dengan lebih mendalam dalam laporan arang batu.

Akhbar The Star turut menerbitkan artikel yang mengetengahkan impak negatif arang batu dalam kawasan setempat yang spesifik. Artikel “[Melaka Warns Stern Action against Polluters](#)” memberi tumpuan kepada risiko-risiko pengangkutan arang batu kepada alam sekitar, sosial dan ekonomi di ibu kota Melaka yang disebabkan oleh pembuangan habuk arang batu oleh kapal-kapal laut. Ketua Menteri Melaka, seorang pegawai kerajaan telah memberi amaran bahawa aktiviti ini ialah satu kebiasaan kerana tiada mekanisme untuk memantau dan mengambil



Turbin gas Stesen Kuasa Tanjung Kling, salah satu daripada stesen kuasa tertua Malaysia di Tanjung Kling, negeri Melaka. Gambar oleh Chongkian, CC BY-SA 4.0

tindakan ke atas mereka yang melakukan pencemaran. Oleh itu, pencemaran arang batu dirangka sebagai membahayakan alam sekitar yang memberi kesan kepada ekonomi dan kesihatan komuniti tempatan.

Sementara itu, satu artikel dari akhbar *The Star* bertajuk “[Balancing Energy Cost and Sustainability](#)” mengkritik secara keras penggunaan arang batu sebagai regresif terhadap pertumbuhan ekonomi disebabkan subsidi tidak mamparn dari kerajaan untuk menanggung kerugian daripada turun naik harga arang batu dunia. Analisis tersebut menyebut dalam jangka masa panjang, subsidi arang batu akan membawa kepada pengurangan dalam perbelanjaan pembangunan, yang memberi impak sosial secara tidak langsung.

Artikel yang menggunakan rangka ekonomi untuk memaparkan arang batu secara negatif ada kalanya memetik empangan mega hidro dan gas sebagai alternatif lebih menguntungkan, seperti ini dari FMT, dengan berita menggemparkan mengenai kerajaan negeri Sabah tidak membenarkan lombong arang batu beroperasi di kawasan tersebut. Memetik kata-kata Ketua Menteri, artikel tersebut merangka arang batu sebagai pilihan yang buruk kerana pihak kerajaan tempatan Sabah mengharapkan empangan gas dan elektrik hidro di Ulu Padas sebagai sumber tenaga yang murah, dengan niat untuk meningkatkan pendapatan Sabah melalui peningkatan royalti minyak dari Petronas. Artikel ini sebahagian besarnya menggunakan rangka ekonomi untuk menjustifikasi mengapa arang batu ialah pilihan yang tidak baik untuk negeri Sabah.

Projek-projek arang batu dirangka dalam konteks rasuah kerajaan.

Dalam hal cerita mengenai projek-projek arang batu yang spesifik, empat artikel menumpukan kepada [TADMAX](#), salah sebuah projek loji jana kuasa termahal oleh sebuah syarikat gergasi dengan nama sama, merangka bahawa perjanjian tersebut sebagai korup dan bertentangan dengan kepentingan awam. Dalam kesemua empat artikel, kelulusan projek itu dikritik sebagai tidak mematuhi pelan pembentukan semula tenaga baharu yang dibentangkan oleh kerajaan baharu PH. Artikel dalam *The Star* “[Power Plant Projects Back in the Limelight](#)” mengkritik keras kerajaan PH, dengan menggunakan sumber-sumber orang dalam tanpa nama dalam industri tenaga, secara tidak langsung, memetik nama Profesor Jomo, ahli ekonomi terkenal di Malaysia, dengan menyebut secara jelas sasaran dasar tenaga boleh baharu Malaysia.

Satu trend menarik yang diperhatikan ialah kolumnis dan surat pendapat, kurang terkongkong dalam mengkritik dasar arang batu secara umum dan projek-projek kontroversi seperti TADMAX. Dalam analisis kuantitatif saya, saya dapati 18 dari 46 artikel yang merangka arang batu secara negatif—hampir 40 peratus—merupakan surat pendapat. Contoh di sini satu kolumn bertajuk “[Human Writes: Polluting Our Breathing Air with Our Constant Need for Power](#)” oleh kolumnis *The Star* Mangai Balasegaram; surat pendapat bertajuk “[Giving Tadmax RM3.5 Billion Power Project Is Atrocious](#)” oleh P. Gunasegaram dari *Malaysia Kini*; dan surat pendapat bertajuk “[No Need for More Energy Than We Can Use](#)” dari Dr. Kua Kia Soon di FMT. Ini menunjukkan bahawa walaupun TADMAX ialah satu isu yang sangat kontroversi, *Malaysia Kini*, FMT, dan *The Star* membuat liputan dengan mendapatkan pendapat daripada kolumnis veteran dan pakar-pakar tenaga.

Seorang editor daripada saluran berita yang tidak lagi beroperasi di Malaysia mencadangkan peratusan tinggi berita pilihan editorial yang membuat liputan tentang tajuk-tajuk lebih kontroversi ini mungkin disebabkan ia dicetak berserta penafian—“Ini ialah pendapat penulis”—yang membuatkan saluran berita berani menerbitkannya.

Secara ringkas, pemeriksaan rangka artikel arang batu menunjukkan bahawa media Malaysia bersikap berbelah bahagi tentang bagaimana hendak membayangkan peranan arang batu dalam masa depan tenaga negara. Dari satu sudut, arang batu masih menjadi sebahagian besar daripada campuran tenaga semasa, dan separuh daripada sampel artikel memetik manfaat seperti pertumbuhan ekonomi, pembangunan tempatan dan peningkatan teknologi arang batu sebagai alasan mengapa ia masih berperanan pada masa depan. Sebaliknya, separuh daripada artikel memaparkan aspek negatif arang batu, merangka ia sebagai perosak alam sekitar dan sosial serta merosotkan ekonomi. Liputan projek spesifik turut menunjukkan bagaimana perjanjian yang dimeterai antara pemaju arang batu dan pihak kerajaan boleh menjadi kurang telus, seperti yang berlaku berkaitan kilang kuasa TADMAX.

Tenaga boleh baharu dirangka sebagai sebahagian daripada dasar pembaharuan tenaga untuk “mempelbagaikan campuran tenaga bahan api”

Beralih kepada rangka tenaga boleh baharu, di saluran utama Malaysia, banyak artikel merangka tenaga boleh baharu dalam konteks dasar pembaharuan tenaga, terutamanya yang dibangunkan pada awal 2019. Apabila gabungan PH mengambil alih pada tahun 2018, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang baharu dibentuk menyasarkan reformasi tenaga melalui langkah-langkah liberalisasi yang sepatutnya mewujudkan pasaran yang lebih berdaya saing. Melalui langkah-langkah ini, kementerian merangka tenaga boleh baharu sebagai penting untuk mempelbagaikan campuran bahan api negara. Dalam analisis rangka kami, kami telah menyemak 15 kisah yang meliputi perubahan dasar ini.

Tidak menjadi kejutan artikel berkenaan dasar pembaharuan tenaga bergantung penuh kepada petikan daripada wakil-wakil kerajaan, terutamanya Menteri MESTECC, Yeo Bee Yin. Ini berlaku dalam sembilan daripada 15 artikel. Dalam artikel berkenaan pembaharuan tenaga, *The Edge* memetik Menteri Yeo sebagai berkata, “Kita sangat bergantung kepada bahan bakar fosil. Kita akan sentiasa terdedah terhadap harga bahan api dunia. ...Kita bercakap tentang kira-kira lebih daripada separuh bil elektrik anda [bergantung] pada sesuatu yang anda tidak boleh kawal”. Dengan ini, artikel tersebut memetik saranan beliau untuk meningkatkan kapasiti tenaga boleh baharu untuk “mempelbagaikan campuran bahan api negara untuk penghasilan elektrik”. *The Star* mencetak cerita yang serupa, yang menyerahkan dasar pembangunan tenaga boleh baharu daripada 80 inisiatif pembaharuan tenaga yang dibentangkan oleh MESTECC.

Sumber kedua paling banyak dipetik bagi artikel-artikel ini ialah wakil-wakil perniagaan, yang menyuarakan sokongan kepada dasar pembaharuan tenaga oleh menteri dalam enam artikel. Salah satu cerita, “[Power Sector to Gain from Govt Plan to Expand Use of Renewable Sources](#),” merupakan artikel PR yang ditulis oleh Public Investment Bank Berhad, yang secara tidak kritikal mempromosikan hujah bahawa dasar tenaga boleh

baru akan memberi manfaat kepada sektor kuasa Malaysia yang sedang berkembang. Melalui artikel ini dan satu siri artikel lain, pihak kerajaan dan wakil perniagaan ditonjolkan sebagai bersatu dalam menyokong dasar pembaharuan tenaga, khususnya mempromosikan pertumbuhan tenaga boleh baharu dan keselamatan tenaga. Normalisasi pembangunan tenaga boleh baharu dan kepelbagaian tenaga kemudiannya menjadi tema yang umum kepada pelbagai perubahan struktur dalam industri tenaga Malaysia pada tahun lalu.

Tenaga boleh baharu dirangka sebagai bermanfaat kepada ekonomi nasional dan tempatan

Di sebalik rangka kerja dasar kerajaan, tenaga boleh baharu biasanya dirangka sebagai satu peluang ekonomi yang akan berkembang dengan inovasi teknologi. Tenaga solar khususnya dirangka daripada segi potensi masa kini dan masa depan sebagai mekanisme penjimatkan wang bagi individu, perniagaan, dan pemerintah. Pandangan ini diperjuangkan oleh pemain industri besar, pegawai kerajaan, bank-bank, dan NGO. Sejak dengan rangka ini, *The Edge* telah menerbitkan sebuah artikel yang ditulis oleh Arjuna Chandran Shankar yang mendesak firma-firma Malaysia untuk beralih ke sektor yang mesra iklim dan mempelopori amalan perniagaan hijau yang lebih sensitif terhadap risiko alam sekitar. *The Star* juga berusaha merangka pembangunan teknologi sebagai tulang belakang masa depan tenaga boleh baharu di Sarawak.

Keprihatinan masyarakat tempatan juga diketengahkan sebagai penerima manfaat. FMT menyiar artikel mengenai bagaimana dua majlis perbandaran tempatan di Pulau Pinang menceburkan diri dalam pertanian solar untuk “memanfaatkan tenaga boleh baharu” dan berharap dapat mengurangkan bil elektrik. **Sebuah artikel oleh *The Star*** menerangkan bagaimana solar digunakan untuk menyinari gurdwara—sebuah tempat pemujaan bagi orang Sikh—di Pulau Pinang. Permulaan COVID-19 membawaikan kaedah lain untuk mendekati rangka artikel ekonomi. Walaupun banyak penerbitan melaporkan mengenai kelewatan, seperti artikel dari *The Star* “*Rural Electrification Target Delayed Due To Movement Control Order*,” mereka juga merangka tenaga boleh baharu sebagai memenuhi keperluan tenaga penting pada masa depan pasca-COVID-19. Di sini, solar dilihat semula sebagai sektor utama yang akan mengaktifkan semula pemulihian ekonomi Malaysia selepas COVID-19; dua artikel dari *The Star* dan *TMR* merangka teknologi solar bumbung sebagai pemacu ekonomi penting yang akan memenuhi permintaan elektrik Malaysia yang dijangka meningkat semula tidak lama lagi.

Tenaga boleh baharu sering dirangka sebagai penting untuk mengurangkan pelepasan karbon dan memerangi perubahan iklim

Walaupun hampir 75 peratus kisah tenaga boleh baharu yang termasuk dalam kajian ini diterbitkan di bahagian perniagaan saluran berita masing-masing, beberapa penerbitan juga merangka tenaga boleh baharu sebagai cara untuk memerangi perubahan iklim. Misalnya artikel dari NST dan TMR sehingga di bahagian perniagaan, merangka tenaga boleh baharu sebagai sebahagian daripada perjuangan iklim yang lebih besar, menggunakan frasa seperti “pengurangan pelepasan karbon” dan “pilihan hijau untuk perniagaan”.

Dalam satu *artikel NST*, Menteri Yin, MESTECC dan Ketua Pegawai Jualan TNB, Megat Jalaluddin Megat Hassan, dipetik ketika membincangkan komitmen mereka terhadap program subsidi tenaga boleh baharu pertama di Malaysia, myGreen+. Kementerian ini komited untuk mengimbangi jejak karbonnya dengan membayai pembangunan tenaga boleh baharu melalui

myGreen+. Sebuah lagi artikel dari NST memetik sektor swasta menggunakan bahasa yang serupa; Mydin Holdings, **rantaian runcit pertama yang memasang panel solar untuk pusat membeli-belahnya**, membuat keputusannya dalam hal “membantu pengurangan jejak karbon”.

Dalam artikel TMR “*2019: A Bright Year for Sepang Solar Power Plant*,” penyedia elektrik, TNB sekali lagi mengukuhkan pendiriannya terhadap perubahan iklim dengan projek Large Solar Scaled Sepang, iaitu pemasangan panel solar terbesar di Semenanjung Malaysia. Jumlah pelepasan karbon yang tidak dihasilkan kilang tersebut—76,000 tan—isebut sebagai pencapaian yang patut diperhatikan, dengan wakil TNB mengatakan “ini serupa dengan perpindahan bahan bakar yang setara dengan kira-kira 36,000 buah kereta di jalan raya Malaysia”.

Dua wartawan perniagaan junior dari TMR mengatakan semasa temu bual bahawa mereka memahami keperluan untuk menghubungkan tenaga dengan perubahan iklim. Bahkan salah seorang daripada mereka menyebut perubahan iklim menjadi punca keinginan menulis mengenai tenaga “untuk menyelamatkan bumi. Maksud saya tenaga bersih untuk kelestarian dunia”.

Sentimen ini disuarakan oleh wartawan Mohd Faiz dari Kumpulan SME Media dan editor Shannon Teoh dari *The Straits Times*. Seperti disebutkan sebelum ini, Mangai Balasegaram, yang merupakan sebahagian daripada jaringan Clean Energy Wire, secara jelas menyatakan minat beliau untuk membuat liputan kisah-kisah tenaga dari lensa “perubahan iklim semata-mata”.

Walaupun dengan kesedaran tersebut, para wartawan ini mengatakan walaupun mereka mahu menulis dari sudut perubahan iklim untuk kisah tenaga, mereka tidak selalu dapat melakukannya. Rangka artikel boleh terbatas disebabkan keutamaan saluran berita untuk mempertahankan asas pembaca mereka, yang boleh menghalang wartawan daripada menggunakan sudut iklim yang—biasanya dianggap kurang “mengumpan klik”—dengan lebih kerap.

Tenaga boleh baharu ada kalanya dirangka sebagai pelaburan berisiko

Walaupun sebilangan besar kisah tenaga boleh baharu bukan hidro merangka teknologi ini secara positif (rajah 3), tiga artikel dari *The Star*—sama ada pilihan pendapat atau ciri yang dipetik secara meluas dari satu sudut pandangan—menimbulkan kebimbangan mengenai risiko pelaburan, terutamanya dalam konteks pandemik COVID-19 dan kemelesetan ekonomi. Dalam artikel-artikel ini, status Malaysia sebagai sebuah negara membangun sering digunakan untuk memperjuangkan sasaran pembangunan tenaga boleh baharu yang lebih rendah, dengan anggapan bahawa peralihan kepada tenaga boleh baharu adalah mahal.

Satu artikel pendapat yang tidak berkaitan dari *The Star*, misalnya, mendorong pandangan yang melampaui bahawa pertumbuhan tenaga boleh baharu /solar adalah “pimpinan salah” dan “satu kemewahan” untuk negara membangun seperti Malaysia. “Kenyataannya ialah tenaga boleh baharu bukan pengganti kepada loji tenaga konvensional,” menurut artikel tersebut, yang selanjutnya menggambarkan tenaga boleh baharu sebagai sumber tenaga yang tidak boleh dipercayai berbanding dengan bahan bakar fosil, yang dirangka sebagai boleh dipercayai dan murah. Begitu juga dengan M. Shanmugam, mantan pengurus editor di *The Edge* dan kini seorang kolumnis di *The Star*, menulis **sepotong pendapat yang mengkritik program pembidaan**



Seorang pekerja memasang panel di ladang solar di pinggiran bandar Kuala Lumpur, Malaysia. Gambar oleh Ahmad Zikri/Shutterstock

solar Malaysia sebagai tidak mampu untuk jangka masa panjang. Bahasa yang digunakan juga secara halus menyimpulkan bahawa program tenaga boleh baharu kerajaan Malaysia dirancang untuk mengambil hati masyarakat antarabangsa dan bukan rakyatnya sendiri. “Usaha kerajaan untuk mendorong lebih banyak [tenaga boleh baharu] adalah baik dan sejarah dengan apa yang ingin dilihat oleh negara maju,” tulis Shanmugan. “Penghasilan loji kuasa [tenaga solar berskala besar] tidak akan mengurangkan keperluan untuk terus membangunkan loji kuasa tenaga gas dan arang batu. Sumber loji penjana elektrik yang pelbagai merupakan satu kos kepada negara.”

Sementara itu, artikel oleh *The Edge*, merangka peralihan tenaga sebagai satu proses yang panjang dan mahal. Pengarah Urusan Khazanah Malaysia dipetik sebagai berkata negara membangun seperti Malaysia perlu “mengimbangi masalah iklim dengan meningkatkan taraf hidup,” dengan mengimbangi kedua-dua kepentingan itu antara satu sama lain. Berikut pandemik COVID-19, pengarah berkenaan selanjutnya menggambarkan **peralihan dari arang batu ke tenaga boleh baharu sebagai “mahal” dan “pelaburan berisiko”** yang tidak ramai ingin melakukan saat ini.

Sebagai kesimpulannya, saluran media di Malaysia secara besar-besaran merangka teknologi baharu yang boleh baharu—terutama tenaga solar—sebagai tajuk utama pembaharuan tenaga, membawa pembangunan ekonomi, dan mengurangi pelepasan karbon untuk memerangi perubahan iklim. Namun, beberapa artikel mendakwa tenaga solar sebagai pelaburan berisiko yang tidak dapat sepenuhnya menggantikan bahan bakar fosil dalam memberikan tenaga beban asas.

Tenaga hidro berskala kecil dirangka sebagai berdaya maju komersil dan mesra alam

Selain tenaga solar, hidro skala kecil (small-scale hydro, SSH), yang mana **Malaysia mempunyai banyak potensi yang belum dieksloitasi**, juga menghasilkan liputan media yang besar dari dua penerbitan, *The Star* dan *TMR*. Satu andaian jelas dalam semua artikel adalah bahawa SSH dianggap sebagai tenaga boleh baharu, mesra alam, dan dapat menyumbang untuk menurunkan pelepasan karbon di Malaysia. Kesemua kecuali satu daripada tujuh artikel yang merakamkan SSH secara positif memetik perwakilan perniagaan yang menjawab kepada keraguan mengenai daya maju kewangan SSH, merangka ia sebagai pelaburan yang semakin menguntungkan dengan kemajuan teknologi.

Sebagai contoh, *TMR* menerbitkan sebuah artikel yang berjudul **“Tenom Small Hydropower Plants Show RE Projects Bankable”**, yang hanya daripada tajuk utama dapat menunjukkan bahawa SSH dapat dilaksanakan secara komersial. Artikel tersebut memetik dari tiga sumber—agensi penilaian utiliti, institusi kewangan, dan pembangun SSH—yang kesemuanya bercakap tentang projek-projek SSH yang membawa keuntungan di Tenom, negeri Sabah. Selain itu, sebuah artikel bertajuk **“Tapping into Hydro Power Potential”** dalam *The Star* yang memfokuskan pada penemuan SSH dan kemajuan teknologi, juga di negeri Sabah, yang mana pakar menganggap ada “potensi pengembangan tenaga boleh baharu yang tinggi”. Kedua-dua artikel tersebut merangka pembangunan SSH dalam rangka pertumbuhan tenaga boleh baharu yang lebih luas di Malaysia.

Sementara itu, **“Banking on Renewable Energy”** daripada akhbar *The Star* menonjol sebagai artikel yang secara langsung membandingkan tenaga hidro kecil dan besar yang lebih cenderung kepada yang tenaga hidro kecil. Satu artikel bersifat promosi yang dipetik secara meluas dari Ketua Pegawai

Eksekutif Pancore Power, yang telah menjalankan lima projek SSH di seluruh negeri Perak dan Pahang. “Tidak seperti loji elektrik hidro berskala besar, loji hidro kecil tidak banyak hingga hampir tidak langsung memberi kesan kepada alam sekitar,” penulis menekankan, walaupun tidak ada pakar pihak ketiga atau sumber NGO yang disebut untuk menyokong tuntutan ini daripada pihak pembangun tenaga.

Saluran berita berbelah bahagi sama ada empangan mega diambil kira sebagai tenaga boleh baharu

Walaupun rangka loji hidro berskala kecil bersifat positif secara keseluruhannya, artikel lebih banyak terbahagi pada loji hidro dan empangan mega berskala besar, yang biasanya tidak termasuk dalam konsep tenaga boleh baharu. Daripada analisis kandungan saya, saya mendapati bahawa dua pertiga artikel tenaga hidro (16) merangkanya secara negatif sementara satu pertiga (8) menyerlahkan kebaikannya. Empat belas cerita difokuskan secara eksklusif **pada empangan Ulu Papar**, sebuah projek kontroversi yang mendapat tentangan penduduk kampung sejak permulaannya.

Analisis rangka menunjukkan bahawa di satu pihak, empangan mega dirangka sebagai penting dalam menyelesaikan kemiskinan tenaga di kawasan pedalaman negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Sebuah artikel dari *FMT* mengenai Ulu Papar memetik Ketua Menteri Sabah dan pengarah agensi air memilih empangan mega kerana **“orang-orang Sabah dan ekonomi akan mendapat manfaat daripada projek tersebut”**. Sementara itu, *The Malaysian Reserve*, memetik pemaju empangan mega, Sarawak Energy mengatakan bahawa ia **“kecewa”** dengan keputusan kerajaan pusat untuk tidak memasukkan empangan mega sebagai tenaga boleh baharu. Dia mengulangi bahawa empangan mega memberi manfaat kepada ekonomi tempatan dan mengatakan mereka dapat memainkan peranan dalam meningkatkan sasaran tenaga boleh baharu 2.5 peratus lebih tinggi pada tahun 2030 berbanding sasaran kerajaan.

Selain itu, empangan mega menarik liputan yang memfokuskan kepada sudut konflik masyarakat-vs-pemerintah, kerana penduduk tempatan tidak bersetuju dengan kepercayaan kerajaan bahawa empangan tersebut akan menguntungkan mereka secara ekonomi atau alam sekitar. *FMT* dan *Malaysia Kini*, dua sumber berita bebas, mengeluarkan 14 artikel yang memetik sumber daripada pemimpin masyarakat, pakar sains, dan NGO yang merangka empangan mega daripada segi risiko kepada negeri Sabah.

Artikel dari *FMT* **“Sabah Groups Call for Study on Impact of Papar Dam”** memetik salah seorang pemimpin masyarakat yang menjadi sumber utama artikel dan penyataan yang disusun dari NGO dan akademik. Artikel tersebut menyerlahkan bagaimana empangan tersebut memberikan kesan negatif yang sangat besar dari sudut pandang akademik dan masyarakat, terutamanya kepada kumpulan orang asli yang bergantung kepada tanah yang dirancang untuk empangan tersebut. Sementara itu, *Malaysia Kini* menerbitkan surat pendapat dari aktivis hak asasi manusia Dr. Kua Kia Soong yang mempunyai rangka yang serupa. Dr. Kua dengan lebih lanjut mencirikan impak empangan mega terhadap budaya orang asli sebagai “pembunuhan etnik” dan menyeru kerajaan untuk menyokong penghentian pembinaan empangan tersebut kerana sebab-sebab kemanusiaan.

Seorang editor dari *FMT* mengatakan bahawa penerbitannya merangka kisah empangan mega daripada segi konflik kerana “konflik komuniti-politik menarik perhatian orang”. Pemimpin/ anggota masyarakat ialah sumber utama dalam lapan kisah,



Loji kuasa hidroelektrik Tenom Pangki di Tenom, negeri Sabah, Malaysia. Gambar oleh Uwe Aranas/Shutterstock

atau separuh daripada liputan FMT berkenaan empangan mega. "Berkenaan dengan [cerita empangan] di Sabah, mengapa topik ini menjadi topik hangat juga kerana ia agak berkaitan dengan politik" dan konflik, kata editor. Beliau juga menulis tentang melakukan usaha sedar untuk fokus kepada pelaporan impak, dan bukan sekadar mensensasikan konflik. "Pada akhirnya, kisah empangan, misalnya—ia boleh membawa kesan buruk kepada negara, ia boleh memusnahkan ekosistem, atau menyebabkan banjir. [Kita harus] meletakkan ia dari segi bagaimana ia akan mempengaruhi pembaca dan inilah sebabnya mengapa anda harus ambil peduli".

Sebagai kesimpulan kepada analisis saya mengenai rangka tenaga hidro: sebagai sumber yang lebih tradisional, tenaga hidro biasanya tidak termasuk dalam wacana tenaga boleh baharu, kecuali untuk projek tenaga hidro kecil yang menggunakan teknologi baharu dan lebih mesra alam. Media berbelah bahagi berkenaan tenaga hidro yang besar, di satu sisi menjadikannya bermanfaat untuk ekonomi tempatan dan di sisi lain memberi kesan terhadap persekitaran tempatan dan budaya orang asli.

Analisis Kualitatif: Cabaran Laporan

Melihat semula trend analisis rangka yang didapati, saya bertanya kepada wartawan tentang cabaran-cabaran utama yang dihadapi mereka dalam pelaporan mereka atau faktor-faktor yang membawa mereka untuk merangka satu isu dalam cara tertentu.

Sesetengah wartawan mendapati bahawa sumber-sumber biasanya sukar untuk didapati. Tiga wartawan dari *The Edge*, *The Star*, dan *TMR* kesemuanya bercakap tentang kurangnya pihak berkepentingan atau sumber-sumber untuk diwawancara selain daripada pihak persendirian. Batasan sumber ini membuatkan wartawan mendapatkan maklumat berulang, dari satu pihak-biasanya perniagaan, bank, industri, kerajaan—seperti yang dilihat dalam kandungan dan analisis rangka. Semua wartawan yang ditemui bual mengakui bahawa mereka bergantung kepada sumber berulang untuk artikel mengenai tenaga mereka.

Tambahan pula, menjadi satu cabaran untuk mendapatkan data atau menerbitkan maklumat tertentu. Seorang wartawan dari *The Edge* dan seorang editor dari *NST* bersetuju bahawa



Ladang solar yang luas di Kudat, Sabah, Malaysia, Borneo. Gambar oleh Augustine Bin Jumah/Shutterstock



selain daripada data umum yang tersedia, sekiranya syarikat disenaraikan di bursa, sesetengah maklumat “dilindungi oleh Akta Rahsia Rasmi” dan tidak boleh dikongsi kepada umum. Seorang wartawan dari TMR mencadangkan bahawa “akses kepada maklumat—sesuatu seperti Akta Kebebasan Maklumat (Freedom of Information Act) seperti di Amerika Syarikat” akan benar-benar menambah baik laporannya.

Kesimpulan

Analisis saya berkenaan laporan arang batu dan tenaga boleh baharu di Malaysia mendedahkan saluran media Malaysia berbelah bagi tentang betapa besar peranan yang patut dimainkan oleh arang batu dalam masa depan tenaga negara, dengan 46 peratus daripada artikel merangka bahan bakar fosil secara positif dan 40.7 peratus merangkanya secara negatif. Artikel yang dirangka secara positif menggambarkan arang batu sebagai sebahagian daripada ekonomi Malaysia yang tidak dapat dihentikan dan memetik teknologi baharu yang sepatutnya akan menjadikan arang batu “bersih”. Lebih daripada 80 peratus daripada mereka bergantung secara eksklusif kepada perspektif perniagaan dan kerajaan. Sementara itu, artikel yang paling kritikal terhadap arang batu menyebutkan pelbagai sumber yang membicarakan tentang bentuk kerosakan alam sekitar dan sosial.

Dari satu sisi lain pula, kesemua saluran media utama di Malaysia sangat optimis mengenai pertumbuhan tenaga boleh baharu merangkanya dalam konteks dasar tenaga baharu yang diluluskan oleh gabungan kerajaan PH pada tahun 2019 setelah ia berkuasa memerintah. Memetik kata-kata Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, artikel-artikel merangka tenaga boleh baharu sebagai diperlukan oleh Malaysia untuk “mempelbagaikan campuran

tenaga bahan bakar,” mengikut konteks harga bahan api fosil yang dilihat turun naik semasa pandemik COVID. Di luar rangka dasar kerajaan, tenaga boleh baharu sering dianggap di pihak media sebagai peluang perniagaan. Secara khusus, tenaga solar dirangka daripada segi potensi masa kini dan masa depan sebagai mekanisme penjimatan wang bagi individu, perniagaan, dan pemerintah, dan industri yang sedang meningkat. Beberapa artikel mendekati tenaga boleh baharu daripada perspektif masyarakat. FMT menyiarkan artikel mengenai bagaimana majlis-majlis perbandaran tempatan di Pulau Pinang menceburkan diri dalam pertanian solar untuk “memanfaatkan tenaga boleh baharu” dan diharapkan dapat mengurangkan bil elektrik. Namun, selain tenaga solar, tenaga hidro kecil semakin diterima dan dilaporkan sebagai alternatif mesra alam untuk penjanaan tenaga. Tiga perempat daripada artikel mengenai projek hidro yang lebih besar membentangkannya secara negatif daripada segi kerosakan alam sekitar, ekologi, dan budaya kepada masyarakat tempatan.

Akhir sekali, semua sampel saluran media berdepan beberapa cabaran yang serupa dalam pelaporan tenaga mereka, termasuk kekurangan kepelbagaiannya sumber dan pengetahuan di kalangan wartawan mengenai isu-isu yang dihadapi. Bagaimanapun, wujud perbezaan nuansa, di antara saluran media pelbagai di Malaysia mengenai laporan tenaga. Saluran yang dimiliki oleh kerajaan sebelum ini iaitu The Star dan NST menerbitkan lebih banyak artikel pandangan kritis mengenai arang batu dan tenaga boleh baharu berbanding dengan keseluruhan sampel saluran berita. Sementara itu, saluran media yang lebih baharu seperti FMT, Malaysia Kini, TMR, dan The Edge memberikan lebih ruang kepada wartawan untuk menyelidik topik-topik “niche”. FMT menonjol sebagai saluran berita dalam talian yang mana artikel dengan fokus kesan persekitaran melebihi artikel yang fokus kepada kesan ekonomi.

Penyelidikan untuk laporan ini telah dijalankan di bawah panduan Climate Tracker, sebuah rangkaian 12,000+ wartawan iklim muda di seluruh dunia. Laporan ini merupakan sebahagian daripada analisis media serantau yang ditugaskan oleh Stanley Center for Peace and Security dan diterbitkan oleh Climate Tracker.



Mengenai Kami

Stanley Center for Peace and Security bekerjasama dengan orang ramai, organisasi, dan masyarakat global yang lebih besar untuk mendorong kemajuan dalam tiga bidang isu—mengurangkan perubahan iklim, menghindari penggunaan senjata nuklear, dan mencegah keganasan serta kekejaman besar-besaran. Pusat ini ditubuhkan pada tahun 1956 dan mengekalkan kebebasannya dalam membangunkan forum untuk pelbagai sudut pandangan dan idea. Untuk mengetahui selanjutnya mengenai penerbitan terkini dan acara akan datang kami, sila lawati stanleycenter.org.



Mengenai Penjejak Iklim (Climate Tracker)

Penjejak Iklim ialah projek kewartawanan iklim berdasarkan belia terbesar di dunia. Kami melatih dan memperkasakan orang muda berdaya saing di seluruh dunia untuk mempengaruhi perbahasan nasional mereka mengenai perubahan iklim, dan menerbitkan idea mereka di media nasional. Kami menghantar orang muda yang paling mengagumkan ke persidangan antarabangsa yang mana mereka boleh memberi pengaruh langsung pada pembuat keputusan dan mendapatkan pengalaman dalam membentuk dasar nasional dan antarabangsa. ClimateTracker.org.